


MENGENALI JENIS-JENIS KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN

DISEDIAKAN
OLEH:

MERLYN RITA ANAK BUNCHA,
PENSYARAH
KEUSAHAWANAN,
FAKULTI PERNIAGAAN,
EKONOMI DAN
PERAKAUNAN, UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH.
merlyn@ums.edu.my



Kemahiran berfikir penyelesaian secara kreatif dan berinovatif

- Ianya adalah kemahiran dan kebolehan bertindak serta berfikir secara kreatif dan fleksibel. Kemahiran berfikir secara kreatif ini bertindak mengembangkan idea baharu dan pandangan yang berlainan terhadap sesuatu masalah atau peluang.
- Iberinovasi pula merupakan kebolehan mengaplikasikan penyelesaian kreatif terhadap sesuatu masalah dan peluang.
- Usahawan perlu ada keupayaan untuk berfikir secara kreatif bagi mendapatkan jawapan ide-idea bernas dan praktikal dan untuk penyelesaian masalah yang berkaitan dengan perniagaan.
- Sebarang penyelesaian masalah pula ditangani dengan penuh keyakinan diri dan mengambil tindakan serta menetapkan matlamat yang ingin dicapai.
- Usahawan yang berkemahiran ini juga berupaya mencipta idea pengurusan baharu untuk menyelesaikan masalah sosial dan organisasi.

Kemahiran dan sifat-sifat keusahawanan adalah penting kepada usahawan ataupun bakal-bakal usahawan. Kebiasaannya, kemahiran keusahawanan ini berkait rapat dengan keupayaan atau kebolehan seseorang individu mengenalpasti peluang perniagaan, kebolehan membangunkan perancangan perniagaan, menilai dan merebut peluang perniagaan serta kebolehan untuk bekerja sendiri.

MENGENALI JENIS-JENIS KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN

DISEDIAKAN
OLEH:

MERLYN RITA ANAK BUNCHA,
PENSYARAH
KEUSAHAWANAN,
FAKULTI PERNIAGAAN,
EKONOMI DAN
PERAKAUNAN, UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH.
merlyn@ums.edu.my

✚ Mengendalikan kemahiran pengurusan

- Keupayaan untuk mengurus masa dan modal insan sama ada diri sendiri dan orang lain dengan berkesan, bekerja di bawah tekanan, mampu untuk merancang, mengkordinasi dan mengorganisasi dengan efektif, membuat strategi dan prosedur.
- Kemahiran ini boleh menjamin kesemua staf, sumber, dan operasi pengeluaran produk atau perkhidmatan diuruskan pada masa dan tempat yang tepat.
- Pengurusan yang berhati-hati dan keupayaan untuk fokus serta teliti tentang segala aspek berkaitan perniagaan boleh membawa kepada penghasilan produktiviti, masa, dan sumber yang efektif.
- Pengurusan yang efektif boleh mengelakkan berlakunya kos pembaziran dalam aktiviti perniagaan oleh usahawan atau bakal usahawan tersebut.

✚ Kemahiran perundingan

- kemahiran ini sangat perlu kerana seseorang usahawan terikat dengan penyediaan kontrak perniagaan dalam menjalankan perniagaannya.
- Usahawan haruslah bijak untuk berunding dengan pelanggan dan pembekal terhadap produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.
- Usahawan juga perlu berunding untuk mendapatkan terma dan syarat permohonan pinjaman kewangan dengan pihak-pihak bank dan juga berhadapan dengan para pelabur untuk berunding soal hakmilik dan syer perniagaan dengan mereka.

MENGENALI JENIS-JENIS KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN

DISEDIAKAN
OLEH:

MERLYN RITA ANAK BUNCHA,
PENSYARAH
KEUSAHAWANAN,
FAKULTI PERNIAGAAN,
EKONOMI DAN
PERAKAUNAN, UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH.
merlyn@ums.edu.my

✚ Membentuk jaringan usahawan berkualiti

- Jaringan keusahawanan adalah penting bagi usahawan untuk membantu aktiviti perniagaan mereka.
- Usahawan yang mempunyai jaringan peribadi, jaringan sosial, dan jaringan profesional yang luas mampu memberikan mereka kelebihan bersaing yang kukuh apabila adanya perkongsian ide, pandangan atau maklumat yang berkaitan dengan perniagaan. Ini memandangkan setiap individu mempunyai latarbelakang, pengalaman, dan industri yang berbeza.
- Jaringan peribadi usahawan merujuk kepada jaringan yang tidak formal melibatkan hubungan secara langsung di antara usahawan dengan pihak tertentu seperti ibu bapa, rakan-rakan, dan keluargajaringan sosial pula terhasil daripada penglibatan usahawan berinteraksi dan berhubung dengan orang luar.
- Seminar, bengkel, konferensi, pameran perniagaan, majlis makan atau perjumpaan persatuan-persatuan sosial merupakan di antara aktiviti sosial yang boleh disertai oleh usahawan bagi mewujudkan jaringan sosial yang baik dengan orang lain yang secara langsung atau tidak langsung berkepentingan terhadap perniagaannya.
- Jaringan profesional perniagaan pula merupakan satu bentuk jaringan formal yang hasil daripada aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan. Ia lebih merujuk kepada hubungan usahawan dengan pihak-pihak di luar organisasi perniagaan. Pihak yang terlibat dengan usahawan dalam jaringan ini ialah pelanggan, pembekal, bank, dan selainnya.
- Dalam pembentukan jaringan ini, pihak-pihak yang terlibat saling bergantung dan membentuk kepercayaan kerana sumber maklumat seperti kewangan, teknologi dan maklumat yang penting dapat diakses, disalurkan dan dikongsi di antara satu sama lain.

Kemahiran kewangan dan pemasaran

- Usahawan perlu mempunyai asas dalam kemahiran kewangan perniagaan, seperti penyediaan nyata kewangan dan pengiraan cukai, risiko, berupaya memasar dan menjual ide atau produk baharu.
- Usahawan haruslah mempunyai pemahaman asas dalam perancangan dan kawalan bajet kewangan untuk memastikan prestasi dan kedudukan kewangan perniagaan adalah kukuh dan mantap.
- Usahawan disarankan menguasai kemahiran kewangan ini supaya bijak mentafsir dan melihat aspek-aspek kewangan yang bermasalah. Usahawan juga perlu mahir dalam menguruskan urusan yang melibatkan pengutipan hutang dan kawalan kredit.
- Kemahiran pemasaran secara digital pula amatlah penting kerana ianya dapat membantu dalam membuat kajian pemasaran termasuklah merekabentuk pelan pemasaran, mempromosikan dan memasarkan produk atau perkhidmatan.
- Pemasaran menggunakan platform sosial media seperti Facebook, Instagram, WhatsApp dan Twitter haruslah dipelajari dan dikuasai bagi memastikan usahawan boleh memasarkan produk dengan lebih efektif dan berkesan.

Secara kesimpulannya, kejayaan seorang usahawan atau bakal usahawan bukan hanya bergantung kepada keunikan produk atau perkhidmatan itu semata-mata. Faktor kejayaan utama juga turut memerlukan teknik dan strategi pemasaran yang berkesan, logistik, pengurusan pekerja yang efisien serta pengurusan kewangan yang mantap. Mereka haruslah bijak mempelajari dan mempraktikkan kemahiran keusahawanan ini untuk memastikan mereka mampu mengendalikan perniagaan secara efektif.